INFO KOLEJ

Naskah Percuma

Vol 1, Januari 2007

BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

"Tingkatkan Pembangunan Sahsiah Diri Pelajar" - Menteri Pengajian Tinggi

Oleh: Noorma Ismail



Pelajar-pelajar diseru untuk meningkatkan pembangunan sahsiah diri untuk menjadi warga yang berguna dan dapat berbakti kepada bangsa dan negara. Demikianlah amanat yang disampaikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapha Mohamed dalam pertemuannya dengan pemimpin-pemimpin pelajar Unimas yang terdiri daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Presiden Persatuan dan Kelab serta Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) pada 26 Mac 2006 di Bilik Mesyuarat Utama Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA).

Dalam pertemuan tersebut beliau menegaskan pentingnya mahasiswa mengorak langkah memajukan diri dalam bidang akademik supaya mampu bersaing di alam pekerjaan disamping tidak melupakan pembangunan sahsiah diri kerana ia juga merupakan elemen yang penting dalam menyediakan pelajar sebagai pemimpin generasi masa depan.

Selain daripada menyampaikan ucapan kepada semua pemimpin pelajar, Datuk Mustapa Mohamed juga turut meluangkan masa berdialog dengan pelajar-pelajar tersebut. Turut hadir dalam sesi perjumpaan tersebut ialah Naib Canselor Unimas, Prof Abdul Rashid Abdullah, Timbalan Naib Canselor HEP&A, Prof Khairuddin Ab Hamid, Dekan PPP, Dr Othman Bojo, Timbalan Pendaftar BHEP&A, Pn Kamaliah Md Shahid dan staf BHEP&A.

Terdahulu daripada itu, Datuk Mustapa Mohamed telah mendengar taklimat pembangunan Unimas yang disampaikan oleh Naib Canselor dan melawat kampus tetap Unimas termasuk meluangkan masa ke Kolej Sakura.

Pengurusan Kolej turut berperanan dalam kejayaan pelajar - Naib Canselor

Oleh: Noorma Ismail







Naib Canselor Unimas, Prof Abdul Rashid Abdullah menekankan pentingnya peranan yang dimainkan oleh pengurusan kolej dalam memastikan pelajar-pelajar Unimas belajar dalam keadaan yang selesa dan kondusif terutama dengan beroperasinya kolej-kolej baru di Unimas. Beliau berkata demikian dalam perjumpaan bersama Pengetua, Felo, Pengurus Asrama dan Penolong Pengurus Asrama bersama beliau di Pusat Latihan Staf Unimas di Bau pada 20 Januari 2006. Beliau juga berharap pelaksanaan *collegiate system* dapat dijalankan dengan jayanya.

Turut hadir dalam perjumpaan tersebut adalah Timbalan Naib Canselor HEP&A, Prof Khairuddin Ab Hamid, Pendaftar, Prof Hamsawi Sani, Dekan Pusat Pemajuan Pelajar, Dr Othman Bojo dan Timbalan Pendaftar BHEP&A, Pn Kamaliah Md Shahid.

INFO KOLEJ
Vol 1 Januari 2007
Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Editorial Info Kolej

Penaung

Prof Khairuddin Ab Hamid
Tim. Naib Canselor
Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Penasihat

En Mohamad Suhaidi Salleh
Cik Wan Sofiah Meor Osman
Pn Inson Din
Dr. Sopian Hj Bujang
Dr. Nor Aliza Abdul Rahim
Cik Marilyn Ong Siew Ai
Pn Fatahyah bt Yahya

Ketua Editor

Pn Noorma Ismail Yusoff

Penolong Ketua Editor

En Valentino Abu Bakar

Ahli-ahli

Samuel a/l Nadarajan (FK)
-Kolej Bunga Raya
Kueh Yien Ee (FSKPM)
-Kolej Bunga Raya
Mohd. Farid b. Asuar (FEB)
-Kolej Kenanga
Zaida bt. Abd. Rahman *(FSS)*
-Kolej Kenanga
Noor Ernie Halyati bt. Mustafa (FSKTM)
-Kolej Sakura
Norafila Bt. Bt. Humrawali (FSTS)
-Kolej Sakura
N.V.A. Peng Soon (FEB)
-Kolej Allamanda
Nor Ezra Bt. Hipni (FSS)
-Kolej Allamanda
Noorul Ain A Rahman (FPSK)
-Kolej Perubatan
Faridatul Mastura Bt. Mohamed Khatib (FSKPM)-*Kolej TAZ*
Khairul Elmi Awang Brahim (FSGK)
-Kolej Seroja
Velnietti Linang (FSTS)
-Kolej Seroja

Info Kolej diterbitkan oleh BHEP&A, Unimas untuk edaran dalaman Unimas sahaja.

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Editor Info Kolej
Tel : 082-581847
Faks : 082-581850
Email : inoorma@hep.unimas.my

Bengkel Dasar & Hala Tuju BHEP& A Capai Matlamat

Oleh: Noorma Ismail



Bengkel Dasar & Hala Tuju Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni yang telah diadakan di Pusat Latihan Staf Unimas, Bau pada 20-22 Januari 2006 telah berjaya mencapai matlamat. Bengkel yang dihadiri oleh Pengetua, Felo, Pengurus Asrama & Penolong Pengurus Asrama, Kolej Kediaman Pelajar, Timbalan Pendaftar dan Ketua-ketua Unit, BHEP&A. Turut hadir ialah Dekan PPP, Penolong Pendaftar PPP dan Kaunselor PPP.

Beberapa topik penting dibincangkan dalam bengkel tersebut mencakupi hal ehwal pentadbiran, pentadbiran am, kewangan, insentif dan aktiviti pelajar.

Timbalan Naib Canselor HEP&A, Prof Khairuddin Ab Hamid sewaktu berucap di Malam Penutupan Bengkel pada 22 Jan 2006 menyatakan beliau berasa bangga dan gembira kerana bengkel tersebut berjaya mencapai matlamat. "Walaupun banyak yang saya perlu pelajari mengenai HEP&A namun saya terasa banyak maklumat yang saya perolehi secara langsung melalui bengkel yang dianjurkan ini", ujar beliau yang turut mengucapkan tahniah kepada BHEP&A kerana menganjurkan bengkel tersebut.

TNC HEP&A lancar Buletin Info Kolej

Buletin Info Kolej yang memuatkan berita-berita kegiatan pelajar kolej bakal dilancarkan pada 19 Januari 2007 oleh Timbalan Naib Canselor Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni.

Buletin yang julung kali diterbitkan ini akan diedarkan setiap semester kepada setiap kolej. Kandungan buletin ini adalah sumbangan sidang editorial yang terdiri daripada pengetua, felo dan JPK penerbitan kolej. Warga Unimas dijangka akan mendapat maklumat perkembangan dan kegiatan kolej melalui Info Kolej.

Sementara itu, pelajar-pelajar yang memenangi pertandingan logo anjuran Kolej Kediaman, akan menerima hadiah kemenangan masing-masing pada majlis pelancaran Info Kolej.

Kolej Kita Diri Kita – Pengetua Allamanda

Oleh: Nor Ezra Hipni & Wan Roshazli



Pengetua Kolej Allamanda Encik Mohd Suhaidi Salleh berazam untuk menjadikan Kolej Allamanda sebagai sebuah kolej terbaik dengan citarasa dan identiti tersendiri. Beliau berkata apabila seseorang pelajar menjadi warga Allamanda, ia merupakan satu amanah dan tanggungjawab yang perlu dipikul oleh setiap penghuni. Menurut beliau, pengurusan kolej dan pelajar harus mengamalkan sikap *give and take* dan bertepuk sebelah tangan tidak akan berbunyi kerana kerjasama merupakan kata kunci yang penting dalam kehidupan terutama di kolej.

Beliau menyeru kepada semua warga Allamanda agar mematuhi peraturan kolej dan universiti dengan berpandukan slogan "Kolej Kita, Diri Kita" bagi mencapai kelangsungan agenda-agenda kesejahteraan kolej seperti yang beliau harapkan. "Realitinya, kolej ini bukanlah cermin personaliti dan keperibadian Pengetua mahu pun kakitangan yang bertungkus lumus memberi khidmat terbaik sahaja tetapi adalah ciri penghuninya, yang akan membentuk keperibadian kolej itu sendiri di mata masyarakat yang lebih luas," ujar beliau.

Kejohanan Sukan Antara Kolej - Allamanda Terunggul

Oleh: Nor Ezra Hipni & Wan Roshazli

Pada 19 Ogos 2006, Kolej Allamanda telah menjadi johan pertandingan bola keranjang lelaki dan perempuan dan sekaligus menyandang gelaran juara keseluruhan Kejohanan Sukan Antara Kolej. Pertandingan ini telah berlangsung di gelanggang Kolej A Allamanda dan telah mendapat penyertaan yang sepenuhnya daripada semua kolej kediaman di UNIMAS. Menurut penyelaras pertandingan ini Nazrie Bin Baini, tujuan utama pertandingan ini diadakan adalah untuk memupuk semangat kesukanan antara kolej disamping mengeratkan lagi hubungan antara penghuni di kolej-kolej kediaman di UNIMAS. Katanya lagi, pertandingan ini akan mewujudkan persaingan yang sihat antara peserta. Antara pertandingan lain



yang diadakan ialah pertandingan bola tampar lelaki dan perempuan. Kolej Kenanga telah mengungguli pertandingan bola tampar lelaki manakala Kolej Alamanda menduduki tempat kedua dan tempat ketiga telah diraih oleh Kolej Perubatan. Bagi pertandingan bola tampar perempuan, Kolej Tun Ahmad Zaidi (TAZ) telah menjadi johan, naib johan disandang oleh Kolej Kenanga dan tempat ketiga pula telah menjadi milik Kolej Allamanda. Bagi pertandingan bola keranjang pula Kolej Allamanda terus mendominasi kedua-dua kategori lelaki dan wanita. Pertandingan yang dijalankan ini diharap dapat menjadi perintis kepada kolej-kolej yang lain untuk menjadi tuan rumah kepada kejohanan sukan antara kolej.

Bazaar Ramadhan Allamanda 2006 Meriah

Oleh: Nor Ezra Hipni & Wan Roshazli



Sempena bulan Ramadhan Al-Mubarak yang lepas, Kolej Allamanda telah mengadakan *Bazaar* Ramadhan buat kali yang ke-2. Ini berikutan kejayaan *Bazaar* Ramadhan pada tahun 2005 yang telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada peniaga dan para pelajar.

Bazaar Ramadhan di Kolej Allamanda ini turut menjadi tumpuan penghuni-penghuni kolej lain. Terdapat 12 gerai yang dibuka untuk disewakan kepada para peniaga. Suasana di *Bazaar* Ramadhan ini amat meriah lebih-lebih lagi pada hujung minggu iaitu hari Sabtu dan Ahad kerana kafeteria di Kolej Allamanda ditutup. Menurut Ahmad Gharib selaku pengarah projek, objektif *Bazaar* ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada peniaga-peniaga luar untuk berniaga dan seterusnya mempelbagaikan lagi juadah berbuka puasa kepada penghuni kolej. Menurut beliau lagi, *Bazaar* ini wajar dilaksanakan kerana lokasi kolej yang jauh dari kampus dan kesukaran para pelajar yang tidak mempunyai kenderaan sendiri untuk membeli juadah berbuka puasa. Malah, hasil kutipan sewa yang dikenakan kepada semua peniaga telah dimasukkan ke dalam tabung JPK Kolej Allamanda sebagai modal untuk aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan pada masa yang akan datang.

Hari Jalinan Mesra antara JPK Allamanda

Oleh: Nor Ezra Hipni & Wan Roshazli





Pada 17 September 2006, Kolej Allamanda telah menganjurkan Hari Jalinan Mesra antara JPK baru dan lama. Objektif aktiviti hari jalinan mesra ini diadakan untuk mengukuhkan ukhwah di antara JPK baru dan lama. Selain itu, ia turut mendedahkan tentang asas-asas kepimpinan, komunikasi yang berkesan dan semangat berpasukan dalam menjayakan sesebuah organisasi. Aktiviti ini telah disempurnakan sepenuhnya oleh Cik Korina Colony selaku Felo Kolej Allamanda dan Nazrie Bin Baini selaku Timbalan Presiden Kolej Alamanda. Seramai 20 orang JPK baru dan 24 orang JPK lama telah mengikuti aktiviti ini. Dalam ucapan penutupan, Nazrie berharap aktiviti ini dapat diadakan setiap tahun untuk memberikan pengetahuan baru dan pendedahan berkaitan dengan kepimpinan kepada semua bakal JPK Allamanda. Beliau turut berharap agar semua pengetahuan yang telah dipelajari dalam aktiviti ini dapat dipraktikkan dalam kehidupan seharian pelajar apabila mereka sudah bergraduat nanti.

Selamat Menjadi Warga Kolej Allamanda

Oleh: Wan Roshazli & N.V.A Peng Soon



Pendaftaran kemasukan bagi pelajar-pelajar baru ke Kolej Allamanda bagi sesi 2006/07 telah diadakan secara rasminya pada 1 dan 2 Julai 2006 bertempat di bilik pendaftaran Kolej. Seramai 700 pelajar baru yang ditempatkan di kolej ini. Minggu pendaftaran ini telah dijayakan sepenuhnya oleh JPK Allamanda dan turut dibantu oleh *Liaison Officer (LO)*. Menurut Penolong Pengurus Asrama, Kolej Allamanda, Cik Korina Colony jumlah warga kolej ini secara keseluruhan telah bertambah kepada 1200 orang ekoran daripada kemasukan pelajar-pelajar baru ini.

Malam Rapat Budaya Junior Allamanda

Oleh: Wan Roshazli & N.V.A Peng Soon



Malam rapat budaya yang dianjurkan oleh pihak JPK Allamanda telah memberi impak yang besar kepada penghuni Kolej Allamanda. Ini berikutan, penyertaan semua pelajar baru dan juga bertujuan untuk merapatkan silaturahim antara semua penghuni Kolej Allamanda.

Selain itu juga, program ini telah berjaya memperkenalkan adat dan budaya yang terdapat di Malaysia yang memiliki masyarakat majmuk yang berbilang kaum. Daripada program sebeginilah, pelajar-pelajar dapat menghayati, mempelajari serta menghormati adat dan budaya antara satu sama lain. Walaupun mempunyai tempat yang terhad, namun program Malam Rapat Budaya ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Terima kasih dan tahniah kepada semua penghuni baru kolej dan pihak JPK yang menjayakan program ini dengan bersungguh-sungguh.



Temuduga Bakal Pemimpin Kolej Allamanda

Oleh: Wan Roshazli & Nur Fatimah





Bagi menggantikan kepimpinan JPK Allamanda 05/06, pemilihan calon bagi tahun 06/07 telah diadakan dan terbuka kepada semua penghuni Kolej Allamanda yang berminat. Namun, pemilihan untuk menjadi calon perlu melalui beberapa peringkat bermula daripada mengisi borang resume yang seterusnya akan ditapis bagi memastikan semua calon yang terpilih untuk menjalani temuduga terbuka adalah calon yang layak.

Bagi temuduga terbuka, para calon yang terpilih telah diadili dan dinilai oleh JPK 05/06. Penilaian yang dibuat adalah berdasarkan potensi dan kelayakan yang ada pada setiap calon. Tidak cukup dengan ini, calon-calon JPK 06/07 ini melalui sesi temuduga ke-2 yang dinilai secara profesional oleh pengetua dan felo Kolej Allamanda.

Berdasarkan perlantikan JPK Allamanda sesi 06/07 ini, adalah menjadi tanggungjawab JPK untuk membantu pihak kolej dalam mencapai misi dan visi Kolej Allamanda.

Pengetua Kolej Allamanda menaruh harapan agar semua JPK 06/07 menunjukkan contoh terbaik kepada semua penghuni kolej kerana "Kepimpinan Adalah Melalui Tauladan".

Program UPSA Tingkatkan Ketaqwaan

Oleh: Nor Ezra Hipni & Wan Roshazli

Bagi mengimarahkan lagi kedatangan Ramadhan yang lepas, Unit Pengurusan Surau Allamanda (UPSA) telah menganjurkan pelbagai aktiviti yang berbentuk kerohanian seperti solat Terawih berjemaah, majlis berbuka puasa beramai-ramai dan tadarus Al-Quran berkumpulan. Program ini dijalankan sepanjang bulan Ramadhan bertempat di surau Kolej B. Menurut Ketua Kerohanian UPSA, Wan Khairul Anwar Wan Mohd Marzuki, matlamat utama program ini dianjurkan adalah untuk memantapkan lagi kerohanian dalam diri pelajar-pelajar Islam. Program ini dapat mengukuhkan lagi ukhwah yang sedia terbina di kalangan pelajar-pelajar Islam. Sambutan yang diberikan oleh penghuni Kolej Allamanda amat menggalakkan. Menurut Wan Khairul Anwar Wan Mohd Marzuki, beliau berharap agar program seumpama ini dapat diteruskan lagi dari semasa ke semasa.







Kolej Bunga Raya Menjanjikan Keselesaan

Oleh: Samuel a/l Nadarajan





Kolej Bunga Raya merupakan kolej kediaman yang terbaru di Unimas. Kolej ini terletak di antara laluan ke kampus Timur dan kampus Barat. Lokasinya yang strategik menjadikannya tumpuan seluruh warga Unimas.



Kolej kediaman Bunga Raya yang berkonsepkan apartmen, terdiri daripada 3 blok utama, iaitu blok A, B , C. Penyusunan kediaman pelajar di kolej ini adalah sangat sistematik dan memisahkan mahasiswa dan mahasiswi.

Salah satu daya penarik Kolej yang serba baru ini adalah Kafetaria Bunga Raya. Kafetaria ini menyajikan makanan yang lazat dengan harga yang berpatutan. Pada sebelah malam pula, Kafetaria Bunga Raya menjadi tumpuan warga Unimas kerana projektor LCD yang disediakan oleh pihak pengurusan kafetaria. Suasana muhibah yang terjalin antara pelajar adalah sesuatu yang jelas dan kafetaria ini memberi peluang kepada pelajar untuk menenangkan fikiran sambil ditemani angin yang bertiup dari tasik bersebelahan.

Pengetua Kolej Bunga Raya, Cik Marilyn Ong Siew Ai ingin menjadikan kolej ini sebagai kolej contoh di Unimas. Beliau tampil dengan konsep 'Kolej Dalam Taman'. Segala usaha untuk merealisasikan konsep tersebut sedang rancak dijalankan dengan kerjasama seluruh warga Bunga Raya.

Jawatankuasa Perwakilan Kolej Bunga Raya yang ditubuhkan awal 2006, dikenali sebagai 'Bunga Raya College Team (B.R.C Team)' berjanji untuk memberikan komitmen yang terbaik untuk menjadikan Kolej Bunga Raya sebagai kolej yang selesa didiami dan yang terulung di Unimas.

Gegar Ramadhan di Kolej Bunga Raya

Oleh: Samuel a/l Nadarajan



Pada pertengahan bulan September yang lepas, umat Islam berpuasa selama sebulan. *Bunga Raya College* (B.R.C) telah menganjurkan bazaar Ramadhan yang diberi nama 'Gegar Ramadhan'.

Tujuan utama perlaksanaan program tersebut adalah untuk memudahkan para penghuni Bunga Raya untuk mendapatkan sajian yang terbaik untuk berbuka puasa. Selama sebulan, Gegar Ramadhan yang berlangsung di Dataran Bunga Raya menjadi tumpuan bukan sahaja warga Bunga Raya, malah dari kolej-kolej yang berhampiran.

Sebanyak 10 gerai mengambil bahagian dalam program 'Gegar Ramadhan' tersebut. Ini merupakan satu peluang yang baik bagi warga Bunga Raya untuk menambahkan pendapatan. Mohd Zaim bin Abdul Rahman, selaku Pengarah Program Gegar Ramadhan berpendapat bahawa 'program ini telah berjaya mewujudkan perpaduan di kalangan warga Bunga Raya. 'Saya berasa gembira,melihat para peniaga mencuba yang terbaik untuk menarik pelanggan ke gerai mereka dan mempromosikan barang yang dijual' ujar beliau.

Pemilik-pemilik gerai yang terdiri daripada pelbagai bangsa, berganding tangan untuk memastikan program ini berjaya mencapai matlamatnya. Program ini diharap dapat dijadikan program tahunan dan akan dipertingkatkan lagi di masa akan datang.

"Islam Hadhari dalam Membentuk Modal Insan"

Oleh: Norjumawati Bt Sabran



Program "Islam Hadhari dalam Membentuk Modal Insan" telah berlangsung di Telaga Air, Matang pada 30 September 2006 bersamaan dengan 7 Ramadhan 1427 Hijrah. Ianya adalah kerjasama Jawatankuasa Perwakilan Kolej Kenanga dan Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM), Sarawak. Tujuan utama program ialah memberi pendedahan kepada pelajar tentang konsep Islam Hadhari yang kini dipraktikkan di Malaysia.

Program yang telah dihadiri oleh seramai 80 orang pelajar terdiri daripada pelajar Kolej Kenanga dan warga kolej lain seperti Kolej Seroja, Bunga Raya, Tun Ahmad Zaidi, Allamanda dan Sakura. Program yang dijalankan di Telaga Air, Matang ini dimulakan dengan ceramah dan penerangan tentang "Islam Hadhari dalam Membentuk Modal Insan" yang telah disampaikan oleh Ustaz Ibrahim yang dijemput khas dari JAKIM. Kemudian, pada sebelah petangnya peserta program telah dibawa melawat Muzium Islam di Kuching manakala sebelah malamnya peserta dibawa berbuka puasa dan bersembahyang terawih di Masjid Negeri, Petra Jaya.

"Kursus Pengurusan Jenazah Kenanga Capai Matlamat"

Oleh: Norjumawati Bt Sabran





Pada 22 September 2006 Jawatankuasa Perwakilan Kolej Kenanga, Jabatan Agama Islam Negeri Sarawak (JAIS), dan Unit Pengurusan Masjid Unimas (UPMU) telah mengadakan kursus Pengurusan Jenazah. Tujuan utama adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar Unimas tentang cara-cara menguruskan jenazah dengan betul sekiranya belaku kematian. Program ini juga dapat menimbulkan kesedaran tentang kepentingan pengurusan jenazah terutama apabila pelajar berada di dalam kelompok masyarakat.

Sepanjang program tersebut, para peserta telah diberikan pendedahan melalui ceramah dan penerangan secara teori dan praktikal yang telah disampaikan oleh seorang ustaz dan ustazah yang dijemput khas dari JAIS tentang adab-adab mengucap takziah, cara menguruskan jenazah seperti memandikan dan mengkapankan mayat serta solat jenazah.

Program ini juga turut mengeratkan hubungan silaturahim dan memupuk sikap kerjasama sesama warga kolej disamping melahirkan warga kolej yang berpengetahuan di dunia dan di akhirat.

Program Integrasi Tunjang Jati Diri Mahasiswa

Oleh: Norjumawati Bt Sabran







Program Integrasi Tunjang Jati Diri Mahasiswa telah berlangsung selama empat hari tiga malam iaitu dari 7 hingga 10 September 2006 secara kerjasama di antara dua buah kolej kediaman universiti iaitu antara Jawatankuasa Perwakilan Kolej Kenanga, Unimas dan Majlis Eksekutif Pelajar Kolej Ibu Zain, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Program yang dicetuskan oleh Kolej Ibu Zain, UKM dan telah mendapat kerjasama dan sokongan sepenuhnya daripada JPK Kenanga dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Unimas. Tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk mewujudkan hubungan dua hala antara dua buah kolej kediaman dalam membincangkan masalah yang wujud dan dalam menjalankan aktiviti pelajar. Selain itu, matlamat program ini adalah untuk memberi perubahan dan pembaharuan kepada dua organisasi dalam membawa arah tuju universiti dalam membentuk mahasisiwa yang berwibawa.

Melalui hubungan dua hala antara Kolej Kenanga, Unimas dan Kolej Ibu Zain, UKM, pelajar-pelajar dari kedua-dua kolej ini dapat didedahkan kepada budaya dan cara hidup masyarakat di Semenanjung Malaysia dan masyarakat di Sarawak. Program ini juga memberi peluang kepada mahasiswa di kedua-dua buah universiti untuk berinteraksi dan bertukar-tukar pendapat tentang program dan aktiviti kolej serta dapat mematangkan mahasiswa dalam melaksanakan sesuatu program yang dijalankan.

Terdapat pelbagai aktiviti yang telah dijalankan sepanjang program integrasi ini. Antaranya adalah lawatan ke Kilang Pasu di Kuching dan Kampung Budaya serta Rumah Panjang orang Bidayuh di Padawan dan diskusi di antara kedua-dua kolej yang disertai oleh Felo Kolej Kenanga iaitu En.Rasli B. Bujang serta Felo dari Kolej Ibu Zain, UKM iaitu Cik Noor Hashidah dan Cik Elfit. Malam terakhir pula telah diadakan Majlis Makan Malam Rumpun Budaya yang mendapat sambutan dan sokongan yang baik dari pelajar.



Lawatan Amal Kolej Kenanga ke Hospital Umum Sarawak

Oleh: Norjumawati Bt Sabran



Lawatan Amal Kolej Kenanga ke Hospital Umum Sarawak telah diadakan pada hari Sabtu bersamaan 14 Oktober 2006 dengan kerjasama di antara pihak Jawatankuasa Perwakilan Kolej Kenanga dan pihak hospital. Tujuan lawatan ini adalah untuk mendedahkan para pelajar kepada kerja-kerja amal dengan melawat kanak-kanak luekimia di hospital serta mendekatkan diri dengan pesakit- pesakit kanser.

Sepanjang aktiviti tersebut dijalankan, seramai 16 orang pelajar dari Kolej Kenanga yang telah terlibat diiringi oleh pengetua kolej Cik Wan Sofiah Bt. Meor Osman yang telah meluangkan masa bersama-sama dengan pesakit kanak-kanak luekimia tersebut. Di samping itu, para pelajar juga dapat menyelami perasaan pesakit-pesakit kanser ini dalam menghadapi serta menjalani kehidupan seharian di hospital. Lawatan Amal tersebut berakhir dengan pemberian cenderamata kepada pesakit-pesakit kanak-kanak luekimia.



Sambutan Aidilfitri Kolej Perubatan Meriah

Oleh: Surenthiran A/L Ramanathan



Para peserta sibuk menganyam ketupat secepat yang mungkin

Sambutan Hari Raya peringkat Kolej dan Fakulti Perubatan meriah dengan persiapan untuk acara kemuncak pada Sabtu 18 November 2006. Berbagai persediaan telah dibuat dengan kerjasama seisi kolej dan diceriakan dengan poster dan hiasan Hari Raya. Sepanjang minggu itu, iaitu dari hari Isnin,13 November hingga Jumaat, 17 November, salah satu aktiviti yang dijalankan dengan giatnya ialah Pertandingan Apartment Terbersih. Para penghuni apartment dikehendaki menjaga dan memastikan kebersihan apartment masing-masing yang kebersihan dan keceriaanya akan dinilai oleh pensyarah-pensyarah jemputan pada bila-bila hari sepanjang minggu itu secara mengejut. Tema "Kerdipan ApartmentKu" telah dipilih dan para penghuni apartment dikehendaki menghiasi apartment selaras dengan tema tersebut.

Pertandingan lain yang turut diadakan ialah Pertandingan Lampu Hiasan bagi setiap aras kolej. Setiap aras perlu meletakkan lampu hiasan yang berkelip dan menggantungnya dengan kreatif. Penilaian dibuat berdasarkan kecantikan dan kesan lampu hiasan dilihat dari jauh.

Pada 18 November 2006, acara kemuncak yang dinanti-nantikan menjelma. Menjelang malam, laluan dari Kolej ke Auditorium A Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) dihiasi dengan kerdipan cahaya pelita. Sekitar pukul 7.00 malam, Pertandingan Menganyam Ketupat telah diadakan. Pertandingan ini dijalankan mengikut wing dan aras di Auditorium A. Selesai pertandingan tersebut, majlis pembukaan bagi Sambutan Hari Raya Adilfitri peringkat Kolej Perubatan diadakan jam 8.00 malam. Tetamu-tetamu kehormat yang diundang termasuk Timbalan Dekan; Prof. Madya Dr. Hata, Pengetua Kolej Perubatan; Dr. Nor Aliza Abdul Rahim dan Felo Kolej Perubatan; Tuan Haji Mohd. Bakhari Mohd Yasin. Majlis turut dimeriahkan dengan kehadiran Ahli-ahli Jawatankuasa Perwakilan Kolej, yang diketuai oleh Ronald Sator, selaku Pengerusi JPK Kolej Perubatan. Majlis berlangsung dengan lancar disertai dengan ucapan-ucapan daripada tetamu-tetamu kehormat. Upacara penyampaian hadiah diadakan bagi pemenang-pemenang ketiga-tiga pertandingan yang telah diadakan. Pertandingan Apartment Terbersih dimenangi oleh apartment 216 manakala Pertandingan Lampu Hiasan dimenangi oleh aras 4. Tempat pertama bagi Pertandingan Menganyam Ketupat pula dimenangi oleh aras 1 wing B.

Sejurus selepas itu, Majlis Rumah Terbuka peringkat apartment telah diadakan. Setiap apartment telah mengadakan rumah terbuka dan menyajikan variasi makanan seperti kuih-muih, nasi, mee, anika kek dan minuman buat tetamu-tetamu yang berkunjung. Penghuni-penghuni kolej dijemput ke setiap apartment di kolej, tidak kira lelaki mahupun perempuan dibenarkan ke setiap apartment. Pelajar-pelajar FPSK yang tinggal di luar turut dijemput bagi memeriahkan lagi majlis ini. Majlis Rumah Terbuka tamat hampir jam 11 malam, menandakan berakhirnya sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat Kolej Perubatan tahun 2006.



Pengetua Kolej Perubatan, Dr. Nor Aliza menunjukkan bakatnya dalam menganyam ketupat



Suasana "rumah terbuka" di apartment

200 Hadir Rumah Terbuka Kolej Perubatan

Oleh: Noorul Ain A. Rahman



Persiapan oleh staf-staf Kolej Perubatan sebelum rumah terbuka bermula

Pada hari Selasa bersamaan 7 November 2006, rumah terbuka telah diadakan bertempat di apartment 004, Kolej Perubatan. Rumah terbuka tersebut telah bermula pada pukul 10 pagi dan berakhir pada pukul 5 petang. Tetamu yang hadir terdiri daripada pelbagai kalangan. Antaranya ialah pelajar perubatan dan kejururawatan tahun 1 hingga tahun 5, staf Kolej Perubatan, staf Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Dekan Fakulti; Tan Sri Datu Prof. Dr. Mohd Taha Arif, Timbalan Dekan; Prof. Madya Dr. Hata, Pengetua Kolej Perubatan; Dr. Nor Aliza Abdul Rahim, Felo Kolej Perubatan; Tuan Haji Mohd. Bakhari Mohd Yasin, staf – staf dari Kampus Tetap, Kota Samarahan, dan pensyarah – pensyarah Fakulti Perubatan sendiri. Keseluruhannya, hampir 200 orang yang hadir ke Majlis Rumah Terbuka tersebut.

Terdapat pelbagai hidangan yang disediakan antaranya lemang, ketupat, rendang, mee goreng, satay, buah limau dan buah mata kucing, air sirap ros, kuih raya, biskut, kek hati pari, dan berbagai juadah lagi.



Pelajar-pelajar menikmati hidangan yang disediakan



Majlis Iftar Agung, Khatam Al -Quran dan Nuzul Al-Quran 2006 Rapatkan Ukhuwah

Oleh: Noorul Ain A. Rahman



Sempena bulan Ramadhan yang berjalan selama satu bulan, pihak UPPS telah menganjurkan suatu majlis berbuka puasa serta sambutan Nuzul Al-Quran dan Khatam Al-Quran yang diberi nama Majlis Iftar Agung, Khatam Al-Quran dan Nuzul Al-Quran pada hari Sabtu, 14 Oktober 2006 bersamaan 20 Ramadhan 1427H. Majlis tersebut bertempat di Auditorium A, Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan (FPSK).

Majlis tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan bukan sahaja dari kalangan pelajar Muslim malahan juga pelajar bukan Muslim. Pensyarah-pensyarah yang bukan beragama Islam juga turut sama memeriahkan Majlis Iftar Agung yang berlangsung dari jam 5 petang hingga jam 11 malam.

Majlis yang diketuai oleh Mohd Fahmi Shukur B. Ramli telah dimulakan dengan majlis khatam Al-Quran oleh 10 orang pelajar FPSK sendiri. Kemudian, disusuli dengan majlis berzanji, marhaban dan zikir munajat sehinggalah azan Maghrib berkumandang. Pelajar kemudiannya berbuka puasa dengan air dan kurma di lobi aras 2, FPSK. Solat Maghrib secara berjemaah telah dilaksanakan di dalam Auditorium A dan diikuti pula dengan jamuan makan malam di lobi aras 2, FPSK. Selepas itu, solat Isyak dan solat Terawikh secara berjemaah telah dijalankan dengan jayanya di mana aktiviti berjemaah seperti ini telah berjaya merapatkan hubungan di antara pelajar dan staf beragama Islam untuk duduk bersama dan menjalin hubungan harmoni seperti yang ingin dicapai dalam objektif program.

Majlis kemudiannya disambung dengan Ceramah Nuzul Al-Quran oleh Ustaz Suhardi Haji Edward. Majlis Iftar Agung ini diakhiri dengan jamuan moreh dan bersurai pada pukul 11 malam.











Program Anti-Israel Kolej Sakura Berjaya

Oleh: Hafizah Asyrani Bt. Sulaiman







Pada 27 Julai 2006, Jawatankuasa Kolej Sakura telah mengadakan aktiviti anti-Israel. Aktiviti ini bertujuan untuk menunjukkan bantahan terhadap keganasan yang dilakukan oleh negara Israel terhadap negara Lubnan dan Palestin. Selain itu, aktiviti ini dilakukan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan warga Kolej Sakura supaya prihatin terhadap isu dunia sekarang. Rasa cintakan keamanan dan bencikan keganasan dalam setiap diri pelajar dapat disematkan dengan pelajar menurunkan cop tangan pelajar di atas kain rentang sebagai tanda untuk memprotes keganasan Israel. Selain itu kutipan derma dari rumah ke rumah bagi tabung anti-Isreal yang dilancarkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar UNIMAS dan UPMU juga turut dijalankan.

Aktiviti ini mendapat sokongan penuh daripada para pelajar bukan sahaja dari Kolej Sakura tetapi juga daripada pelajar dari kolej-kolej lain tanpa mengira bangsa dan agama. Aktiviti yang telah berjalan dengan jayanya ini telah berlangsung dari pukul 9 malam hingga 11 malam.







Ceramah Israk Mikraj & Nisfu Syaaban

Pada 21 Ogos 2006, pihak Jawatankuasa Perwakilan Kolej Sakura dengan kerjasama Unit Kerohanian Kolej Sakura telah menganjurkan ceramah bersempena Israk Mikraj. Program ini diadakan di Surau Kolej Sakura dan dihadiri oleh kira-kira 50 orang penghuni Kolej Sakura. Program dimulakan dengan ucapan aluan dari Pengetua Kolej Sakura, Puan Fatahyah Yahya. Ceramah disampaikan oleh penceramah yang dijemput khas dari Maktab Perguruan Batu Lintang, Kuching. Ceramah yang disampaikan membawa mesej yang sangat jelas dan bermakna serta memberi input yang baik kepada pelajar. Selain dari sesi ceramah, pelajar juga dihidangkan dengan tayangan video Israel dan Palestin serta video kejadian-kejadian aneh dan unik ciptaan Allah S.W.T. Program kemudiannya di akhiri dengan sesi soal jawab dan perkongsian idea.

Bubur Lambuk Serikan Bulan Ramadhan Sakura

Kehadiran bulan Ramadhan tahun ini adalah yang pertama kali bagi penghuni Kolej Sakura. Kemeriahannya terasa dengan pelbagai aktiviti yang telah di rancang dan diatur dengan baik serta mendapat kerjasama yang amat kuat dari pengetua Kolej Sakura sendiri, Puan Fatahyah Yahya. Antara aktiviti yang dijalankan ialah solat Tarawikh berjemaah pada setiap malam pada bulan Ramadhan yang diimamkan oleh puan pengetua sendiri. Ramai penghuni turut serta menjalani ibadah sunat ini yang diadakan di surau Kolej Sakura. Jamuan ringan juga disediakan setelah solat selesai dilaksanakan. Selain itu, pada 15 Oktober 2006 bersamaan 22 Ramadhan, di atas usaha dan inisiatif dari pengetua kolej, telah diadakan aktiviti gotong-royong penyediaan dan memasak bubur lambuk. Ahli-ahli unit surau dan kerohanian Kolej Sakura bertungkus-lumus bermula dari awal pagi menyiapkan sajian ini dan akhirnya dapat diagihkan ke setiap apartment bermula jam 5 petang. Jelas di sini, kerjasama yang erat serta permuafakatan terjalin dengan kukuh antara sesama penghuni. Pada 18 Oktober pula bersamaan dengan 25 Ramadhan juga diadakan aktiviti pembahagian juadah berbuka puasa oleh pengetua kolej kepada semua pelajar Muslim Kolej Sakura.

Solat Hajat Kuatkan Semangat Juang Warga Sakura

Pada 5 November 2006, satu program solat hajat berjemaah telah diadakan oleh Exco Kerohanian dan unit surau dengan kerjasama dari pengetua kolej bersempena minggu peperiksaan akhir yang bermula dari 6 sehingga 24 November 2006. Objektif program ini adalah untuk menguatkan semangat juang dan keyakinan pelajar untuk menghadapi cabaran dan tekanan sepanjang minggu peperiksaan. Setelah segala daya dan usaha dilakukan maka pelajar kini berserah dan tawakal kepada Tuhan atas apa yang telah diusahakan. Program ini juga untuk mengelakkan gangguan sama ada secara mental atau emosi sepanjang minggu peperiksaan bagi memastikan kemudahan dan kelancaran menghadapi peperiksaan akhir.

Kolej Seroja Aktif Meriahkan Bulan Kemerdekaan

Oleh: Velnetti Linang



Panel juri untuk majlis penutupan malam bulan kemerdekaan



Pelajar-pelajar menikmati jamuan selepas solat hajat

Menjelang bulan Ogos, semangat kemerdekaan semakin memuncak di kalangan warganegara Malaysia. Kolej Seroja telah mengambil initiatif untuk menghangatkan lagi sambutan bulan kemerdekaan yang ke-49 tahun 2006 dengan mengadakan aktiviti seperti perarakan Malam Kemerdekaan, Solat hajat kemerdekaan, Pertandingan Futsal Kemerdekaan lelaki dan perempuan dan majlis penutupan Malam kemerdekaan.

Aktiviti-aktiviti ini dijalankan dengan tujuan untuk mengeratkan silaturahim antara penghuni Kolej Seroja serta memupuk jiwa kemerdekaan di kalangan penghuni kolej. Penglibatan penghuni Kolej Seroja bagi kesemua aktiviti ini adalah amat menggalakkan biarpun sesetengah aktiviti dijalankan di kampus Barat seperti perarakkan Malam kemerdekaan anjuran bersama Majlis Perwakilan Pelajar(MPP). Ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar mempunyai semangat kemerdekaan yang tinggi.

Pada 31 Ogos, solat hajat kemerdekaan telah diadakan di masjid Unimas dibawah pengarah projek, Zahari Mat. Majlis ini diadakan selepas solat Maghrib dan melibatkan semua pelajar dari semua kolej. Antara aktiviti yang telah diadakan ialah solat maghrib, bacaan yassin, ceramah, solat Ishak, solat hajat dan jamuan ringan. Sambutan yang diberikan daripada pelajar adalah amat menggalakkan walaupun diadakan pada musim cuti dan tiada perkhidmatan bas disediakan.

Tren masa kini menunjukkan bola sepak mahupun futsal sudah semakin bertapak di hati ramai pemuda-pemudi tanpa mengira jantina. Lantaran itu, pihak JPK Kolej Seroja dibawah pengarah projek, Gobal A/L Valasanteram telah mengadakan satu pertandingan Futsal lelaki dan perempuan di kalangan penghuni Kolej Seroja. Pertandingan ini telah diadakan di Gelanggang Futsal Kolej Seroja selama 2 hari iaitu pada 9 hingga 10 September. Bagi kategori perempuan, 4 buah pasukan telah menyertai termasuk sebuah pasukan dari Kolej Sakura manakala kategori lelaki disertai 8 buah pasukan.

Acara kemuncak bagi sambutan bulan kemerdekaan peringkat Kolej Seroja tahun ini ialah Majlis Penutupan Malam Kemerdekaan. Majlis ini telah diadakan pada 16 September di perkarangan tempat letak kereta Kolej Seroja. Malam tersebut bukan sahaja menandakan berakhirnya bulan kemerdekaan malah telah berjaya mengetengahkan bakat terpendam penghuni kolej melalui penglibatan dalam aktiviti pada malam tersebut. Antara aktiviti yang dianjurkan ialah pertandingan mendeklamasikan puisi, pertandingan pidato merdeka, merdeka idol dan pertandingan karaoke merdeka tersemat dalam diri.



Laungan Merdeka !!!



Pelajar-pelajar menunaikan solat hajat



Encik Luqman selaku Felo Kolej Seroja memberikan ucapan

Terkini Dari Kolej Seroja

Oleh : Md. Norazlin A. Kasim

Kolej Seroja Juara Futsal Hari Siswa Siswi & Futsal Pesta Konvo

Majlis perwakilan Pelajar (MPP) 2005/06 telah mengadakan Hari Siswa Siswi unimas awal semester ini. Kolej Seroja telah mengambil bahagian di dalam kesemua aktiviti yang dianjurkan seperti pertandingan futsal lelaki dan perempuan dan juga sukaneka. Penglibatan Kolej Seroja di dalam Hari Siswa Siswi Unimas kali ini telah membolehkan Kolej Seroja berjaya membolot hampir kesemua acara yang dipertandingkan. Bagi sukaneka, Kolej Seroja telah berjaya memenangi hampir kesemua aktiviti. Kolej Seroja juga telah berjaya menjadi johan untuk pertandingan futsal lelaki dan naib johan untuk futsal perempuan.

Sementara itu Kolej Seroja juga telah menghantar wakil sebanyak tiga pasukan di dalam pertandingan futsal sempena Pesta Konvo 2006. Kolej Seroja boleh berbangga apabila ketiga-tiga pasukan yang mewakili Kolej Seroja telah berjaya memasuki pusingan separuh akhir. Johan dan naib johan pertandingan tersebut telah berjaya dimenangi oleh Kolej Seroja dan satu pasukan lagi mendapat tempat keempat.

Kemudahan Gymnasium & *Street Soccer* di Kolej Seroja

Kolej Seroja buat julung kalinya mendapat kemudahan beriadah untuk sukan. Ini kerana pada semester ini JPK & Pengurusan Kolej Seroja telah berjaya mendapatkan kemudahan gym untuk kegunaan penghuni kolej. Selain itu Kolej Seroja telah mendapat kemudahan untuk permainan *Street Soccer.* Kemudahan ini adalah dengan kerjasama pihak Unit Sukan Unimas. JPK Kolej Seroja telah menganjurkan pertandingan *Street Soccer* pada 18 dan 19 November 2006.

JPK Kolej Seroja Anjur Bakti Siswa dan Lawatan ke Sabah

JPK Kolej Seroja julung kalinya akan mengadakan program di luar negeri Sarawak. Pada 26 November sehingga 06 Disember 2006, satu program anjuran JPK Kolej Seroja akan mengadakan lawatan ke negeri Sabah. Antara program yang akan diadakan adalah seperti lawatan ke Universiti Malaysia Sabah (UMS), Poring Ranau dan juga bakti siswa yang akan diadakan di daerah Kudat. Seramai 37 orang peserta yang terdiri daripada penghuni Kolej Seroja akan menyertai program tersebut.

Kad Aktiviti dan Perkhidmatan Simpan Barang Bantu Pelajar

JPK Kolej Seroja dengan kerjasama pihak pengurusan kolej telah mengeluarkan kad aktiviti untuk penghuni kolej. Kad ini adalah bertujuan untuk mengaktifkan pelajar di dalam aktiviti yang dianjurkan oleh pihak JPK. Kad ini juga akan disertakan bersama borang permohonan kolej untuk semester hadapan.

Selain itu JPK kolej juga telah mengadakan perkhidmatan simpanan barang sepanjang cuti semester 1 bertujuan untuk mengurangkan beban penghuni untuk membawa balik barang sempena cuti semester.

Kolej Tun Ahmad Zaidi Anjur Program Anti-Israel

Oleh: Nora bt. Sahari & Faridatul Mastura bt. Mohamed Khatib



Sebagai tanda memprotes tindakan kejam rejim Zionis menceroboh Palestin dan Lubnan, Program Anti – Israel telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej TAZ pada 14 hingga 18 Ogos 2006. Pengarah Projek, Mohd Faizul bin Isa memberitahu, objektif program ini adalah untuk menunjukkan bahawa mahasiswa UNIMAS sentiasa peka dan prihatin terhadap isu-isu semasa serta sebagai satu bukti perpaduan yang kukuh dalam komuniti warga UNIMAS yang berbilang bangsa dan agama menentang kezaliman. Ia juga adalah bersesuaian dengan bulan kemerdekaan negara kita sebagai salah satu cara menunjukkan rasa kesyukuran kerana lahir sebagai rakyat di negara Malaysia yang aman dan damai.

Program ini dimulakan pada 14 Ogos dengan pemakaian reben putih oleh penghuni Kolej TAZ sebagai tanda keamanan dan kebebasan daripada tindakan kejam Zionis. Selain itu, aktiviti lain yang turut diadakan ialah "Memorandum Pembantahan Pelajar UNIMAS" dan "Wall of Freedom Expressions" iaitu usaha untuk mendapatkan tanda tangan daripada warga UNIMAS sebagai tanda protes kepada kekejaman Israel. Aktiviti ini telah diadakan di Kampus Barat iaitu di perhentian bas di BHEP&A dan di Kampus Timur di antara FSS dan FEP. Warga UNIMAS telah memberikan sokongan yang amat membanggakan terhadap aktiviti tersebut.

Aktiviti kemuncak bagi program ini adalah Malam Penyerahan "Memorandum Pembantahan Pelajar UNIMAS" dan "*Wall of Freedom Expression*" oleh Pengarah Projek kepada Felo Kolej Tun Ahmad Zaidi, Encik Valentino Abu Bakar. Aktiviti ini diadakan pada 18 Ogos 2006 bertempat di dataran Kolej TAZ .

Malam kemuncak tersebut telah dimeriahkan dengan kehadiran wakil MPP dan Ahli Jawatankuasa Perwakilan Pelajar dari kolej-kolej kediaman UNIMAS yang lain serta warga Kolej TAZ dan Kolej Bunga Raya. Pelbagai persembahan telah diadakan seperti deklamasi sajak, persembahan pembukaan daripada juara Unimas Idol sempena Hari Siswa Siswi serta persembahan nyanyian dengan tema "Akustika Ekspresi Kebebasan" daripada wakil kumpulan dari setiap kolej.



Kolej TAZ Berwajah Baru

Kolej Tun Ahmad Zaidi atau dikenali dengan nama Kolej TAZ kini berubah wajah. Kolej TAZ kini tampil dengan 'gaya ringkas tetapi menawan' setelah dicat baru dengan warna putih dan hijau sedondon dengan warna-warna kolej-kolej lain di kampus Barat. Proses mengecat telah dijalankan pada April 2006 dan telah disiapkan pada Jun 2006. Kolej Tun Ahmad Zaidi telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Sarawak, YAB Pehin Sri Dr Haji Abdul Taib Mahmud pada 20 November 1999. Peruntukan membina kolej ini diperolehi daripada Kerajaan Negeri Sarawak. Nama asal kolej ialah Kolej Sebayor sebelum bertukar nama kepada Kolej Kenyalang pada tahun 2001. Pada tahun 2002 kolej ini sekali lagi bertukar nama dan dikenali sebagai Kolej Tun Ahmad Zaidi (TAZ). Kolej TAZ mencipta sejarah sebagai kolej kediaman pertama dibina di kampus tetap UNIMAS.



Wajah Kolej TAZ dahulu





Wajah Kolej TAZ kini yang menjadi kebanggaan warga TAZ

Pemilihan JPK TAZ 6 Julai 2006

Oleh: Nora bt. Sahari & Faridatul Mastura bt. Mohamed Khatib







Pemilihan JPK TAZ berdasarkan pemilihan dan undian daripada pelajar TAZ telah diadakan dengan jayanya pada 6 Julai 2006 di Dataran TAZ. Majlis Pemilihan tersebut telah dihadiri oleh Pengurusan Kolej TAZ, pelajar-pelajar, Felo-felo dan Pengetua TAZ, Dr Sopian Bujang yang juga merupakan pensyarah di Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia. Sebelum pemilihan JPK baru TAZ berlangsung, majlis telah dimulakan dengan nyanyian lagu kolej TAZ, Menggenggam Janji diikuti dengan sesi pengenalan diri pengetua dan felo-felo TAZ.

Majlis Pelantikan JPK TAZ lancar

Oleh: Nora bt. Sahari & Faridatul Mastura bt. Mohamed Khatib







Majlis Pelantikan JPK TAZ telah berlangsung secara rasminya pada 4 Ogos 2006 dalam satu majlis yang diadakan di Bilik Gerakan JPK TAZ pada jam 8.30 malam. Semua JPK TAZ yang baru dilantik hadir pada majlis tersebut. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Mantan Timbalan Presiden II, Kolej TAZ iaitu Aziah yang mewakili mantan JPK yang turut diberi peluang berucap pada malam tersebut. Lain-lain yang memberi ucapan termasuklah felo, Pengetua dan Ucapan Presiden JPK TAZ yang baru iaitu Mahathir Zulkifli. Majlis diakhiri dengan penyampaian surat pelantikan kepada semua JPK TAZ yang baru oleh Pengetua TAZ. Dr Sopian Hj Bujang.

Jalur Gemilang Serikan Kolej TAZ

Oleh: Nora bt. Sahari & Faridatul Mastura bt. Mohamed Khatib

Sempena sambutan Bulan Kemerdekaan yang ke - 49, Kolej Tun Ahmad Zaidi telah dihiasi dengan Jalur Gemilang dan bendera negeri Sarawak sebagai simbolik kepada sambutan ini. Selain itu, tujuan utama dekorasi ini diadakan adalah untuk memupuk semangat kemerdekaan dalam diri mahasiswa UNIMAS dan penghuni Kolej TAZ .

Pada 23 Ogos 2006, bertempat di kafeteria Kolej TAZ, ahli Jawatankuasa Perwakilan Kolej dan penghuni Kolej TAZ bekerjasama menggantung bendera-bendera tersebut di sepanjang pagar Kolej TAZ dan di tiang- tiang lampu. Bendera -bendera tersebut telah berkibar megah sepanjang bulan kemerdekaan menyerikan lagi Kolej TAZ.

Kolej TAZ Juara Tarik Tali

Kolej TAZ menunjukkan keunggulan dengan menjuarai pertandingan Tarik Tali lelaki dan naib Johan Tarik Tali perempuan, Hari Siswa Siswi. Kolej TAZ juga mendapat tempat kedua dalam pertandingan *Treasure Hunt* lelaki dan Sudu Ajaib manakala membawa pulang saguhati untuk futsal lelaki dan perempuan. Syabas TAZ!!!

Pelajar TAZ Menang UNIMAS Idol Hari Siswa Siswi



Pelajar TAZ, pemenang Unimas Idol sedang beraksi

Pelajar TAZ, Mohd Affendi Azizan telah memenangi Unimas Idol, Hari Siswa dan Siswi anjuran Majlis Perwakilan Pelajar Unimas. Beliau yang lincah dan dengan gaya tersendiri telah memikat hati hakim dan mendapat tepukan gemuruh daripada penonton terutama penyokong-penyokong dari Kolej TAZ apabila diumumkan sebagai pemenang.

Perjumpaan Kolej TAZ 14 September 2006

Satu perjumpaan di antara penghuni Kolej Tun Ahmad Zaidi (TAZ) dengan Pengetua dan Felo-felo Kolej TAZ telah diadakan pada 14 September jam 9.00 malam di Kafe Kolej. Majlis yang dihadiri oleh pelajar-pelajar Kolej TAZ tersebut dipenuhi dengan sesi penyampaian taklimat oleh Pengetua terhadap perkembangan terkini berkaitan pengurusan kolej manakala felo kolej pula menyampaikan beberapa perkara yang berkaitan dengan aktiviti kolej.

Dalam ucapannya, Pengetua TAZ meminta semua pelajar menanamkan semangat sayang dan cintakan kolej dan melibatkan diri dalam semua aktiviti yang dianjurkan oleh pihak Kolej. Felo Kolej TAZ, Puan Noorma Ismail dan Encik Valentino Abu Bakar pula menyarankan agar pelajar mengambil kesempatan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan diperingkat kolej dan Unimas dan bukan hanya memberi tumpuan kepada bidang akademik semata-mata. Sifat-sifat kepimpinan dan pengurusan sesuatu acara, majlis atau projek akan memberi pengalaman berguna kepada pelajar apabila keluar di alam kerjaya, ujar mereka.







Perayaan Kuih Bulan Wujudkan Integrasi Kaum

Oleh: Lim Swee Hoon & Felisia ak Tensing

Kolej Tun Ahmad Zaidi telah mengadakan sambutan Perayaan Kuih Bulan pada bulan Oktober yang lalu dengan pengisian pelbagai aktiviti yang menarik seperti penjualan kuih bulan pelbagai perisa dan perarakan tanglung. Walaupun pada asalnya perayaan ini hanya diamalkan oleh masyarakat Cina namun Kolej TAZ berjaya menyelitkan objektif yang amat bermakna iaitu untuk mengeratkan hubungan di antara mahasiswa yang berlainan bangsa di samping mendedahkan satu budaya yang unik kepada seluruh warga kampus.

Malam sambutan Kuih Bulan bertemakan '*The Moon Represents My Heart*' telah dirasmikan oleh Pengetua Kolej TAZ, Dr. Sopian Hj Bujang dengan menyalakan Tanglung. Majlis turut dimeriahkan dengan penyertaan daripada warga Kolej Bunga Raya. Aktiviti sambutan kemudiannya disusuli dengan tayangan video klip 'Lagenda Bulan' yang menceritakan tentang sejarah perayaan kuih bulan. Berikutnya, program diteruskan dengan satu perarakan tanglung yang bermula dari dataran kolej TAZ menuju ke tasik UNIMAS.

Nor Azma binti Manan, salah seorang warga Kolej TAZ yang menyertai perarakan tersebut berkata, tanggapan dan persepsi beliau terhadap sambutan perayaan ini berubah kerana ianya bukan sahaja diraikan oleh kaum Cina tetapi dikongsi bersama kaum lain. Sambutan yang menggalakkan daripada warga UNIMAS terhadap aktiviti ini menunjukkan semangat perpaduan antara mereka. Sokongan yang ditunjukkan daripada warga kampus terhadap program ini diharapkan berterusan untuk program-program anjuran TAZ pada masa akan datang.



Pelajar berbilang kaum menyertai perarakan Tanglung

Sekitar Lawatan Menteri Pengajian Tinggi ke Kampus Barat & Kolej Unimas 26 Mac 2006

Gambar: Mohamad Haimey Abdul Razak













Merdeka Merdeka Merdeka

Oleh: Nora bt. Sahari & Faridatul Mastura bt. Mohamed Khatib

Sempena hari kemerdekaan negara kita yang ke-49, Kolej Tun Ahmad Zaidi dengan kerjasama Kolej-Kolej Kediaman UNIMAS telah menganjurkan sambutan Hari Kemerdekaan pada 12 - 16 September 2006. Pengarah Projek, Mahathir bin Zulkifli yang juga Presiden JPK TAZ berkata, bertepatan dengan tema " Hati Kebebasan", tujuan utama program ini diadakan adalah untuk memupuk semangat kemerdekaan sebenar dalam diri pelajar serta membentuk pelajar supaya menjadi warganegara yang lebih intelek dan bersifat global seperti yang disarankan oleh kerajaan.

Program yang berlangsung sepanjang lima hari ini memuatkan pelbagai program yang bermanfaat dan turut memberi peluang kepada para mahasiswa dan mahasiswi UNIMAS untuk menunjukkan bakat mereka dalam bidang kesenian dan kebudayaan.

Antara program yang telah dijalankan adalah:

- Tayangan filem kemerdekaan pada 12 September 2006 bertempat di Kolej TAZ.
- Pertandingan lukisan kemerdekaan turut diadakan pada 13 September 2006 dan mendapat sambutan yang menggalakkan.
- Pertandingan sajak telah diadakan pada 14 September 2006 dengan penyertaan dari setiap kolej.

Program kemerdekaan ini turut diisi dengan pameran kemerdekaan yang berlangsung selama 12-16 September. Pameran yang bertempat di lobi Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA) ini mempamerkan bahan-bahan bersejarah melalui kerjasama kolej dengan Arkib Negara cawangan Sarawak.

Selain itu, pada 15 September 2006, satu forum kemerdekaan telah diadakan di CTF1, kampus Barat dengan tajuk "Kemerdekaan dan Globalisasi". Antara ahli panel forum tersebut ialah Encik Ahmad Azam Abdul Rahman iaitu Pengerusi *Global Peace Mission Malaysia*, Dr. Shahren Tun Ahmad Zaidi, Dekan FSKPM serta En. Halim Busari, Ketua Program Pembangunan Sumber Manusia, FSKPM yang bertindak sebagai moderator dalam majlis forum tersebut. Forum tersebut telah membincangkan tentang erti kemerdekaan, pengisian kemerdekaan dan kesinambungan kemerdekaan dari pelbagai perspektif yang berbeza serta turut memfokuskan tentang peranan mahasisiwa dalam mengisi kemerdekaan.

Program ini diakhiri dengan Majlis Penutupan yang berlangsung di CTF1, kampus Barat dengan paluan gong oleh Dekan FSKPM, Dr. Shahren Tun Ahmad Zaidi. Majlis penutupan ini turut diserikan dengan deklamasi sajak oleh pemenang pertandingan sajak serta persembahan-persembahan yang bertemakan kemerdekaan daripada setiap kolej disamping nyanyian Tanggal 31 secara beramai-ramai.